

## **PEJABAT PROJEK APLIKASI KERAJAAN ELEKTRONIK**

### **A. POLISI ANTARA MUKA SISTEM**

- 1. Semua sistem yang berkaitan pengurusan kewangan agensi luar yang hendak berantara muka dengan Sistem Pengurusan Kewangan JANM selain daripada GAJI, BANK dan BAYARAN PUKAL hendaklah melalui eSPKB.**

#### **1.1 Sistem Pengurusan Kewangan Agensi Luar**

Setiap sistem perakaunan agensi luar yang akan berantaramuka dengan eSPKB mestilah telah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Sistem Perakaunan Kerjaan Persekutuan terlebih dahulu.

#### **1.2 Keselamatan Data**

Semua data yang hendak dihantar/diterima melalui eSPKB hendaklah dienkrif (encrypted) bagi menjamin integriti data.

### **B. POLISI INFRASTRUKTUR eSPKB**

- 2. Semua permohonan talian sama ada permohonan baru, pindah atau batal serta permohonan kad pintar dan pembaca kad hendaklah dikemukakan melalui Pejabat Perakaunan masing-masing dan salinan ke Pejabat Projek Aplikasi Kerajaan Elektronik .**

#### **2.1 Permohonan Talian EG\*Net**

Permohonan talian hendaklah menggunakan borang berikut:

- a) Borang Eg\*Net 01 adalah bagi permohonan talian EG\*Net bagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) baru.
- b) Borang Eg\*Net 02 adalah untuk pembatalan talian EG\*Net.
- c) Borang Eg\*Net 03 adalah untuk permohonan pemindahan talian EG\*Net.

## **2.2 Permohonan Kad Pintar (Smart Card) dan Pembaca Kad**

Permohonan atau pembaharuan kad pintar hendaklah dikemukakan terus ke MAMPU melalui Pejabat Perakaunan masing-masing dan salinan ke :

- a) Pejabat Projek Aplikasi Kerajaan Elektronik, dan
- b) GITN Sdn. Bhd.

## **2.3 Komputer**

Komputer peribadi(PC) perlu disediakan oleh agensi/kementerian sendiri

# **C POLISI PERLUASAN eSPKB DI PTJ**

- 3. Setiap PTJ pemegang waran, menyelenggara urusan niaga dan hasil yang mempunyai infrastruktur yang mencukupi adalah dikehendaki melaksanakan eSPKB di bawah Pejabat Perakaunan masing-masing.**

### **3.1 Perluasan Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB) di Stesen Pemungut Hasil, Kastam DiRaja Malaysia**

Stesen Pemungut Hasil, Kastam DiRaja Malaysia boleh melaksanakan sistem eSPKB sekiranya menerima pungutan sekurang-kurangnya RM12 juta setahun.

### **3.2 Perluasan Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB) di Pusat Tanggungjawab (PTJ) Negeri yang mendapat peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.**

PTJ Negeri (Kod Jabatan siri 900) yang mendapat peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan boleh melaksanakan sistem eSPKB dengan :-

- a) menggunakan EG\*Net (jika tiada kemudahan rangkaian talian negeri) ;
- b) mengintegrasikan rangkaian negeri dengan EG\*Net tertakluk kepada kelulusan MAMPU dan pihak negeri (jika mempunyai kemudahan rangkaian talian negeri).